



**IKLAN JAWATAN KOSONG
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KAMPUS SERDANG) DAN HOSPITAL PENGAJAR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2020**

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan, untuk mengisi jawatan bertaraf **TETAP** di:-

- **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KAMPUS SERDANG)**
- **HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

BIL.	JAWATAN	GREd
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL		
1.	PEGAWAI SAINS	C41
2.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41
3.	PEGAWAI VETERINAR	GV41
4.	JURUTERA	J41
5.	PEGAWAI KESELAMATAN	KP41
6.	PEGAWAI TADBIR (PENTADBIRAN / HAL EHWAL ISLAM / BELIA DAN SUKAN)	N41
7.	PEGAWAI PSIKOLOGI	S41
8.	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN	U41
9.	PEGAWAI PERUBATAN	UD43/UD47/ UD51/UD53
10.	PEGAWAI KEWANGAN	W41
KUMPULAN PELAKSANA		
11.	PEREKA	B19
12.	PENOLONG PEGAWAI SAINS	C29
13.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29
14.	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN	G29
15.	PENOLONG PEGAWAI VETERINAR	G29
16.	PEMBANTU VETERINAR	G19
17.	PEMBANTU KEMAHIRAN	H19
18.	PEMBANTU AWAM	H11
19.	PEMANDU KENDERAAN	H11
20.	PENOLONG JURUTERA	JA29
21.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J19
22.	PEMBANTU KESELAMATAN	KP19
23.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11

BIL.	JAWATAN	GRED
24.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29
25.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N19
26.	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT	N19
27.	PEMBANTU OPERASI	N11
28.	PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK	Q29
29.	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S29
30.	PEMBANTU PUSTAKAWAN	S19
31.	JURU X-RAY	U36
32.	JURUPULIH PERUBATAN	U29
33.	JURURAWAT	U29
34.	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	U29
35.	JURUTEKNIK PERUBATAN	U19
36.	PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN	U19
37.	JURURAWAT MASYARAKAT	U19
38.	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN	U11
39.	PENOLONG AKAUNTAN	W29

CALON ADALAH DIKEHENDAKI MEMENUHI SYARAT UMUM PERMOHONAN BAGI SEMUA JAWATAN DI ATAS.

SYARAT UMUM PERMOHONAN:

- 1) Calon mestilah Warganegara Malaysia.
- 2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 3) Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan:-
 - a) Had umur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 50 tahun;
 - b) Had umur pelantikan bagi Peningkatan Secara Lantikan (PSL):
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- 4) Calon perlu mengemukakan **SALINAN REKOD KENYATAAN PERKHIDMATAN (RKP)** yang telah disahkan untuk temuduga. Calon yang tidak mengemukakan salinan RKP **TIDAK DIBENARKAN** untuk menduduki temuduga.
- 5) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

- 6) Bagi tujuan pelantikan ke Perkhidmatan Awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:
- a) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
 - b) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
 - c) memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

CARA MEMOHON:

Permohonan jawatan perlu dibuat melalui Sistem Permohonan Jawatan (SPJ Online) yang boleh dicapai melalui:

Laman Web Pejabat Pendaftar UPM : <https://pendaftar.upm.edu.my>

Laman Web Hospital Pengajar UPM : <https://hpupm.upm.edu.my>

TEMPOH IKLAN:

Sistem Permohonan Jawatan (SPJ Online) akan mula dibuka pada **9 Mac 2020 (Isnin)** dan akan ditutup pada **31 Mac 2020 (Selasa)**.

PERHATIAN:

Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap tidak berjaya.

Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR

9 Mac 2020

JAWATAN 1: PEGAWAI SAINS GRED C41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,317.00 – RM9,620.00

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,317.00)
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Juruterapi Pergigian dan Juruteknologi Pergigian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Sains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.
- 4) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
 - a) Sains Perhutanan
 - b) Pediatrik
 - c) Obstetrik dan Ginekologi (Embryologist)
 - d) Patologi
 - e) Surgeri
 - f) Anestesiologi
 - g) Ortopedik
 - h) Psikiatri

- i) Perubatan Keluarga
- j) Pengimejan Nuklear
- k) Kesihatan Persekitaran
- l) Biokeselamatan

RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab dalam memastikan pengoperasian makmal pengajaran atau makmal penyelidikan beroperasi dengan efisien.
- Bertanggungjawab ke atas pengurusan makmal pengajaran amali mengikut program dan latihan ilmiah pelajar dan memastikan pengurusan kawalan kualiti, pembangunan pengetahuan dan kemahiran anggota organisasi, mengawal kewangan serta peralatan organisasi.
- Mengurus dan mengambil tindakan aduan pelanggan.
- Merancang dan memantau amali serta menguruskan taklimat keselamatan.
- Memastikan pembangunan kualiti organisasi sentiasa dikemaskini.
- Merancang dan menyelia sumber tenaga manusia.

JAWATAN 2: PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,315.00 – RM9,618.00

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,315.00); atau
 - ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,522.44); atau
 - iii) Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,833.78); atau
 - iv) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM3,145.11)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada.
- Merekabentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta mengkaji semula sistem pemrosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan UPM.

JAWATAN 3: PEGAWAI VETERINAR GRED GV41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,697.00 – RM9,551.00

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) i) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - ii) berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua. (Gaji permulaan: RM2,697.00)
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - c) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Veterinar adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Veterinar Gred GV41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
 - b) mempunyai kelayakan yang disenaraikan di bawah Jadual II Bahagian II Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) yang diiktiraf setaraf dengan ijazah am oleh Kerajaan dan lulus Peperiksaan Khas anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia dan Majlis Veterinar Malaysia; dan
 - c) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab melakukan aktiviti perubatan seperti mendiagnosis penyakit, merawat kecederaan, menentukan jenis ubat untuk haiwan, memberi ubat pelali dan menjalankan pembedahan haiwan.
- Membantu dalam rawatan epidemiologi, radiologi dan pengawasan lain berkaitan kesihatan haiwan, menjalankan bedah siasat untuk menentukan punca kematian dan mengawal penyakit-penyakit haiwan dan rawatannya.
- Memastikan makanan ternakan selamat untuk pengguna, merancang dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan penambahbaikan mutu haiwan ternakan dan memberi nasihat berkaitan kebersihan, makanan, pembiakan dan penjagaan haiwan kepada pemilik haiwan peliharaan di Hospital Veterinar Universiti.

JAWATAN 4: JURUTERA GRED J41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,529.00 – RM9,643.00

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,529.00)
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a); atau
 - b) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - c) Had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon yang mempunyai pengalaman bertugas di bahagian kejuruteraan sebuah hospital serta mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.
- 4) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
 - a) Kejuruteraan Awam
 - b) Kejuruteraan Mekanikal

RINGKASAN TUGAS

BIDANG: KEJURUTERAAN AWAM

- Bertanggungjawab merancang dan menguruskan kemudahan kelengkapan sistem kejuruteraan dalam dan luar bangunan dari segi penyelenggaraan, pembaikan, pembinaan baru/ubahsuai, perolehan peralatan dan perkhidmatan teknikal.
- Bertanggungjawab merancang dan menyelaras pembangunan sistem pengairan, bekalan air, khidmat kejuruteraan awam, aktiviti peningkatan mutu perkhidmatan kejuruteraan awam, projek-projek khas dan urusan pentadbiran am pejabat.

BIDANG: KEJURUTERAAN MEKANIKAL

- Bertanggungjawab merancang dan menguruskan kemudahan kelengkapan sistem kejuruteraan dalam dan luar bangunan dari segi penyelenggaraan, pembaikan, pembinaan baru/ubahsuai, perolehan peralatan dan perkhidmatan teknikal.
- Bertanggungjawab memantau dan menguruskan aduan bahagian mekanikal, penyelenggaraan peralatan mekanikal, mengendalikan perkhidmatan 24 jam, memberi segala khidmat teknikal/ kejuruteraan khususnya bidang Mekanikal dan arahan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 5: PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41

Kumpulan : Pengurusan & Profesional

Jadual Gaji : RM2,081.00 – RM9,547.00

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,081.00); atau
- ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik (Gaji permulaan: RM2,081.00); atau
- iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,285.00); dan
- b) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- c) Calon bagi lantikan dengan kelayakan seperti di perenggan 1a(i) dan 1a(iii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
 - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - b) had umur pelantikan:

- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan mengenai keselamatan perlindungan di UPM serta kawasan larangan dan tempat larangan yang berkaitan untuk mengekal dan mempertingkatkan tahap keselamatan fizikal, dokumen, peribadi, keselamatan perlindungan ICT dengan tujuan melindungi aset dan rahsia rasmi daripada pelbagai bentuk ancaman keselamatan.

**JAWATAN 6: PEGAWAI TADBIR
(PENTADBIRAN / HAL EHWAL ISLAM / BELIA DAN SUKAN) GRED N41**

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,078.00 – RM9,546.00

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,080.00); atau
 - ii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,283.43)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a); atau
 - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) had umur pelantikan:

- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

BIDANG: PENTADBIRAN

- 3) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

BIDANG: HAL EHWAL ISLAM

- 4) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja dalam bidang pengajian Islam akan diberi keutamaan.

BIDANG: BELIA DAN SUKAN

- 5) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja dalam bidang pengurusan sukan akan diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

BIDANG: PENTADBIRAN

- Bertanggungjawab merancang, mengelola, menyelia, menyelaras, mengawal, melaksana dan pelaporan bagi pengurusan aset, pengurusan rekod perubatan, pengurusan hal-ehwal pendidikan kesihatan, pengurusan perhubungan awam, pengurusan hal-ehwal kerja sosial dan pembangunan masyarakat, serta pengurusan hal-ehwal pentadbiran am.

BIDANG: HAL EHWAL ISLAM

- Bertanggungjawab menyelaras, merancang dan menguruskan program berkaitan hal ehwal Islam di UPM.
- Menjadi pakar rujuk dan memberi khidmat nasihat mengenai hal ehwal Islam di UPM.
- Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

BIDANG: BELIA DAN SUKAN

- Merancang, mengurus, mentadbir, memantau dan menyelia segala urusan berkaitan projek dan program anjuran Akademi Sukan dan anjuran dengan kerjasama agensi lain termasuk program dan projek bagi tujuan pendanaan, memberikan khidmat nasihat kepakaran dan penyeliaan berterusan bagi pembangunan dan pengelolaan program belia dan sukan, mempromosikan produk Akademi Sukan kepada industri dan komuniti, menyedia dan membangunkan modul-modul berkenaan pengurusan sukan, teknologi sukan, pemakanan sukan, psikologi sukan dan politik sukan secara sistematik dan berstruktur dengan kerjasama pihak yang berkaitan serta menjalinkan kerjasama dengan agensi luar dalam bidang berkaitan pembangunan sukan melalui perjanjian persefahaman MoA/MoU.

JAWATAN 7: PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41

Kumpulan : Pengurusan & Profesional

Jadual Gaji : RM2,281.86 – RM9,544.00

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) i) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,281.86); atau
 - ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,281.86); atau
 - iii) Ijazah sarjana dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,690.70); atau
 - iv) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,997.32)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
 - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) had umur pelantikan:
- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.
- 4) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
 - a) Psikologi klinikal

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti berkaitan bidang psikologi/psikologi klinikal/kaunseling kepada pesakit dan staf.

JAWATAN 8: PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,429.00– RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (pertuturan, audiologi, cara kerja, fisioterapi) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,429.00)
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.
- 4) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
 - a) Pemulihan Carakerja (*Occupational Therapy*)
 - b) Fisioterapi
 - c) Terapi Pertuturan

RINGKASAN TUGAS

Tugas-tugas adalah merangkumi kesemua pesakit dewasa serta pesakit pediatrik.

BIDANG: PEMULIHAN CARAKERJA (*OCCUPATIONAL THERAPY*)

- Menjalankan penilaian tahap kondisi/kecederaan pesakit dan ketidakupayaan (*disability*) yang mengganggu kefungsiannya.
- Berhubung dengan anggota profesional kesihatan lain dan merancang aktiviti rawatan pemulihan pesakit.
- Menggalakkan pesakit berdikari dalam aktiviti seharian termasuklah mobiliti, penjagaan diri dan aktiviti kerohanian.
- Menjalankan lawatan ke rumah/tempat kerja/sekolah untuk memastikan pesakit dapat berfungsi dengan optima.
- Memberikan program pendidikan kepada pesakit dan keluarga mereka sebagai langkah pencegahan komplikasi dan *disability* serta pengekalan tahap optima kefungsiannya pesakit.
- Memberikan sokongan psikologi untuk memotivasikan pesakit.
- Mengambil bahagian dalam konferens kes pesakit bagi membincangkan tahap kemajuan pesakit.
- Menjalankan aktiviti kembalian pesakit ke pekerjaan (*work resettlement*) seperti latihan vokasional, terapi industri, bengkel terlindung dan penempatan kerja.
- Menjalankan aktiviti kembalian pesakit ke rumah (*home resettlement*) termasuklah mencadangkan pengubahsuaian, susun atur perabot dan sebagainya.
- Menjalankan latihan skil sosial untuk meningkatkan kebolehan pesakit berinteraksi di dalam komuniti.
- Menggalakkan pesakit mengambil bahagian dalam aktiviti senggang (*leisure*) dan sukan yang sesuai.
- Merekabentuk dan membuat alat-alat ortotik/splint untuk membantu kefungsiannya pesakit.
- Merekabentuk dan membuat pakaian tekanan (*pressure garment*) untuk pengendalian parut/keloid, edema dan lain-lain.
- Memberikan laporan tentang penilaian, perancangan rawatan dan kemajuan pesakit kepada pegawai perubatan dan pihak yang berkenaan.
- Mengendalikan pusat harian untuk pesakit yang mengalami masalah fiizikal dan psikososial termasuk pemantauan dan pengekalan kefungsiannya mereka.
- Mengendalikan kumpulan sokongan (*support group*) untuk pesakit saling berkongsi masalah mereka.
- Bekerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup pesakit seperti SOCSO, pembangunan masyarakat dan sebagainya.

BIDANG: FISIOTERAPI

- Memberi perkhidmatan fisioterapi berjadual dan tugas gentian yang komprehensif kepada pesakit luar dan dalam wad yang diperlukan berlandaskan "Piawai Amalan Fisioterapi".

- Mendokumentasi dan menyimpan maklumat mengenai perawatan fisioterapi secara terperinci.
- Mengambil bahagian yang proaktif di dalam rondaan wad dan mesyuarat klinikal khusus.
- Merancang melaksanakan program pendidikan pesakit dan promosi kesihatan.
- Memberi "supportive counseling" kepada pesakit dan penjaga.
- Menyelia dan memberi bimbingan kepada pelatih fisioterapi dari Kolej Fisioterapi dan lain-lain institusi semasa penempatan klinikal.
- Melibatkan diri di dalam sesi program "Continuos Professional Development" di peringkat Jabatan dan Hospital.
- Membantu dan melibatkan diri secara terus di dalam program penyelidikan.
- Tugas Lain: Melaksanakan kerja-kerja yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

BIDANG: TERAPI PERTUTURAN

- Bertanggungjawab menjalankan pemulihan dan rehabilitasi masalah komunikasi, kelancaran bertutur, masalah suara serta memberi khidmat kaunseling.

JAWATAN 9: PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43/UD47/UD51/UD53

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM3,611.00 – RM10,560.00

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) Ijazah Sarjana Muda dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.; atau
- (ii) Calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD43 : RM3,611.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD47 : RM5,211.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD51 : RM5,860.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD53 : RM6,182.00

- b) Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 2) Calon dalam bidang surgery, urologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan serta berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- 3) Calon dalam bidang patologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan;

- 4) Calon dalam bidang mikrobiologi dan parasitologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di hospital serta calon yang berpengalaman bekerja di makmal mikrobiologi dan parasitologi sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan**;
- 5) Calon dalam bidang oftalmologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan serta berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- 6) Calon dalam bidang pediatrik yang mempunyai sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan sebagai Pegawai Perubatan (tidak termasuk tempoh membuat latihan housemanship);
- 7) Calon dalam bidang psikiatri yang mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.
- 8) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
 - a) Bedah
 - b) Urologi
 - c) Patologi
 - d) Mikrobiologi & Parasitologi Perubatan
 - e) Oftalmologi
 - f) Pediatrik
 - g) Psikiatri
 - h) Otorinolaringologi
 - i) Anestesiologi
 - j) Ortopedik
 - k) Perubatan
 - l) Obstetrik & Ginekologi
 - m) Perubatan Keluarga
 - n) Pengimejan
 - o) Perubatan Nuklear
 - p) Pemulihan Perubatan
 - q) Penyelidikan Klinikal
 - r) Pengurusan Kualiti
 - s) Kecemasan Strok
 - t) Radiologi
 - u) Hematologi-Onkologi

RINGKASAN TUGAS

Bedah & Urologi

- Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit, menguruskan pesakit di wad dan klinik bedah/urologi. Menjalankan pembedahan dan prosedur di bilik bedah/daycare serta menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).

Patologi

- Menjalankan ujian, interpretasi dan validasi keputusan ujian di makmal patologi, membantu dalam aktiviti pengurusan makmal dan terlibat dalam aktiviti kualiti makmal bagi memastikan keputusan ujian yang dihasilkan adalah tepat serta menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).

Mikrobiologi

- Bidang tugas adalah berkaitan diagnostik mikrobiologi dan parasitologi serta kawalan penyakit berjangkit. Tugas ini merangkumi kawalan kualiti dalam

pemprosesan spesimen klinikal, ujian dan laporan makmal mengikut prosedur yang terkini.

Oftalmologi

- Melakukan pembedahan katarak dan boleh menguruskan hal-hal klinikal dan kecemasan mata.

Pediatrik

- Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit bayi dan kanak-kanak
- Menguruskan rawatan dan pemeriksaan bayi dan kanak-kanak
- Menyediakan laporan-laporan berkaitan
- Menjalankan tugas-tugas *on call*
- Mengikuti dan mengendalikan program-program Jabatan
- Menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan

Pemulihan Perubatan

- Pernah menjalani posting di jabatan rehabilitasi/pemulihan perubatan (tidak wajib tetapi akan mendapat keutamaan).

Tugas Umum

- Memberikan perkhidmatan dan bertanggungjawab dalam bidang perubatan dan kesihatan dari segi pencegahan diagnostik, perawatan dan pemulihan bagi mengawal dan mempertingkatkan taraf kesihatan warga universiti dan masyarakat setempat.

JAWATAN 10: PEGAWAI KEWANGAN GRED W41

Kumpulan : **Pengurusan dan Profesional**

Jadual Gaji : **RM2,094.00 – RM9,585.00**

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a)
 - i) Ijazah sarjana muda dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,094.00); atau
 - ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,300.73); atau
 - iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,819.63); atau
 - iv) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan: RM2,819.63); atau
 - v) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan: RM2,923.41); atau
 - vi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia (Gaji permulaan: RM3,027.19); dan

- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kewangan Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) had umur pelantikan:
- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.
- 4) Calon yang mempunyai sijil profesional dalam *management information system* atau berkaitan dengan IT akan diberi keutamaan.
- 5) Pengalaman dalam pengauditan terutama audit forensik dan system.
- 6) Mempunyai kemahiran analitikal.
- 7) Bersedia untuk bekerja dalam pasukan dan berkebolehan berkomunikasi dengan baik sama ada secara lisan atau dalam laporan.
- 8) Bersedia belajar dalam pelbagai bidang dan boleh bergerak secara sendiri untuk menghasilkan hasil yang diinginkan.

RINGKASAN TUGAS

- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan Rancangan Audit Tahunan;
- Merancang, melaksanakan pengauditan dan menyediakan kertas kerja pemerhatian audit dan laporan untuk dikemukakan kepada Ketua Audit Dalam;
- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan laporan untuk dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Audit;
- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan kertas kerja sebagai persediaan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Mesyuarat Jawatankuasa Ketua-ketua Audit Dalam Universiti Awam (JKAD) dan lain-lain mesyuarat yang perlu dihadiri dari masa ke semasa;
- Membantu Ketua Audit Dalam menyediakan kertas kerja sebagai persediaan laporan suku tahun/tahunan/ atau mengikut keperluan ke Jawatankuasa Pengurusan

Universiti, Jawatankuasa Audit, Lembaga Pengarah Universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan lain-lain kementerian yang diarahkan;

- Membantu menyediakan maklumat yang diperlukan untuk sesi taklimat/pembentangan;
- Memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 melalui penggunaan Prosedur, Garis Panduan, Arahan Kerja, Template, Borang dan Dokumen yang berkaitan semasa menjalankan tugas di Bahagian Audit Dalam, Pejabat Naib Canselor; dan
- Menjalankan tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 11: PEREKA GRED B19

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,360.00 – RM4,032.00

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang senireka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan. (Gaji Permulaan: RM1,360.00); atau
 - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji Permulaan: RM1,360.00); atau
 - iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan: RM1,360.00); atau
 - iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,418.12); atau
 - v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,476.24)
- b) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan a(i), a(ii), a(iii), a(iv) dan a(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

2) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab menjalankan kerja rekabentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan seni, dalam usaha memasarkan maklumat dan fungsi universiti.
- Bertanggungjawab dalam mencipta rekaan untuk persembahan dan peralatan produksi.
- Menyelarar, merancang, menyedia rekabentuk bahan penerbitan dan trofi.
- Bertanggungjawab memastikan pentas persembahan, persiapan upacara sambutan ketibaan tetamu serta menyelarar bahan promosi di media massa.

JAWATAN 12: PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C29

Kumpulan : **Pelaksana**
Jadual Gaji : **RM1,505.00 – RM5,696.00**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat principal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji Permulaan: RM 1,505.00); atau
 - ii) Diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM 1,782.91); atau
 - iii) Diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM 1,858.12); dan
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Makmal adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
 - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab membantu Pegawai Akademik/Penyelidik melaksanakan kerja pengajaran dan penyelidikan dalam bidang berkaitan, merancang, menyelaras dan mengurus operasi penyelenggaraan makmal, penyelenggaraan secara berkala peralatan saintifik, serta membantu mengendali aktiviti makmal dan pembangunan makmal terutama dalam perkhidmatan pengajaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D).

JAWATAN 13: PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29

Kumpulan : Pelaksana
Jadual Gaji : RM1,549.00 – RM5,684.00

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - a) i) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,549.00); atau
 - ii) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,549.00); atau
 - iii) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,855.00)
 - iv) Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,929.89)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam membangun program baru untuk sesuatu sistem guna komputer, mengembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, menyelenggara sistem dan memberi latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

JAWATAN 14: PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29

Kumpulan : **Pelaksana**
Jadual Gaji : **RM1,494.00 – RM5,674.00**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,494.00); atau
 - ii) Diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,847.86); dan
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 2) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab menjalankan tugas pengembangan termasuk kerja merancang, melaksana, menilai dan mengesan program pembangunan melalui pelaksanaan Projek Perladangan Berkelompok.
- Bertanggungjawab membantu merancang aktiviti penerangan berhubung dengan projek, dan memberi ceramah/dialog/kursus/latihan/ taklimat dan menerbitkan risalah serta bahan terbitan berhubung dengan projek pertanian.

JAWATAN 15: PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G29

Kumpulan : **Pelaksana**
Jadual Gaji : **RM1,494.00 – RM5,674.00**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) i) Sijil Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,494.00); atau
 - ii) Diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,923.06); dan
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 2) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam tugas berkaitan pengurusan haiwan, kesihatan haiwan, kesuburan haiwan dan penguatkuasaan undang-undang veterinar, melaksanakan aktiviti pemeriksaan di pusat kuarantin haiwan, ante-mortem dan post-mortem di abattoir dan loji pemprosesan, memberi khidmat nasihat ternakan, pengumpulan data haiwan dan penyediaan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan, yang ditentukan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 16: PEMBANTU VETERINAR GRED G19

Kumpulan : **Pelaksana**
Jadual Gaji : **RM 1,357.00 - RM 4,008.00**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan: RM1,357.00)

- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan: RM 1,357.00)
 - iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM 1,413.40)
 - iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,469.80)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas pengurusan haiwan, kesihatan haiwan, kesuburan haiwan dan penguatkuasaan undang-undang veterinar, melaksanakan kerja di Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT), pemeriksaan di pusat kuarantin haiwan, ante-mortem dan post-mortem di abattoir dan loji pemprosesan, memberi khidmat nasihat ternakan, pengumpulan data haiwan dan penyediaan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan yang ditentukan dari semasa ke semasa.

JAWATAN 17: PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19

Kumpulan : **Pelaksana**
Jadual Gaji : **RM1,377.00 – RM4,052.00**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan: RM1,377.00); atau
